

Headline IPTA sedia bas sewa khas untuk pelajar  
Date 04. Sep 2008 Language MALAY  
Media Title Berita Harian Page No 23  
Section Nasional Article Size 202 cm2  
Circulation 217920 Frequency Daily  
Readership 2083000 Color Full Color  
AdValue 3575.27



# IPTA sedia bas sewa khas untuk pelajar

## Persatuan urus program balik kampung

Oleh Nurul Farina Nazlan  
[nfarina@bharuan.com.my](mailto:nfarina@bharuan.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Sekurang-kurangnya tujuh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sudah merancang menyediakan perkhidmatan bas sewa khas bagi membawa pelajar balik kampung pada musim Aidilfitri ini berikutan keengganan pengusaha bas ekspres menyediakan bas tambahan.

IPTA itu termasuk Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antara-

bangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Kebanyakan IPTA berkenaan akan meminta Persatuan Anak Negeri yang ada di kampus masing-masing bagi menyelaras perkhidmatan itu dengan pemantauan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi memastikan perjalanan lancar.

Yang Dipertua MPPUSM, Muhammad Shukri Ibrahim, berkata USM sudah lama menyediakan kemudahan berkenaan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan dengan menggunakan hampir 12 buah bas universiti bagi membawa pelajar pulang ke

destinasi masing-masing setiap kali Aidilfitri.

"Kita menyediakan bas bagi empat destinasi utama iaitu Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu. Persatuan Anak Negeri akan menyelaras program balik kampung ini dan ada di kalangan mereka bekerjasama dengan syarikat luar bagi menampung kekurangan bas yang disediakan universiti," katanya ketika dihubungi semalam.

Yang Dipertua MPPUM, Afandy Sutrisno Tanjung, pula berkata UM memang menyediakan perkhidmatan pengangkutan balik kampung pada setiap Aidilfitri ke Pantai Timur serta Utara dan pihaknya berharap ia diteruskan lagi dengan kadar ba-



Muhammad Shukri

baran yang minimum.

Yang Dipertua MPPUITM, Luqmannulhakim Mohamad Idris, pihaknya sedang mencari syarikat luar untuk menyediakan perkhidmatan berkenaan mengikut syarat ditetapkan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) bagi mengelak sebarang masalah.

"Kita akui ada banyak pertanyaan dikemukakan warga kampus berkenaan masalah ini. Sekiranya gagal mendapatkan bas luar maka kita akan mengadakan permohonan kepada pihak pengurusan untuk menggunakan bas universiti bagi mengatasi masalah," katanya.